

20 NOV 1996
Razaleigh-Anwar
KU LI: SAYA TIADA RANCANGAN CABAR ANWAR

KOTA BAHARU, 20 Nov (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata beliau tidak pernah mempunyai sebarang rancangan untuk mencabar Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim setelah bersetuju untuk kembali menyertai Umno.

"Ini spekulasi orang yang menulis. Saya sendiri tidak ada apa-apa rancangan (kerana) saya masuk Umno inipun bersama rakan-rakan lain atas keputusan yang dibuat bersama dalam perhimpunan agung S46 lepas," katanya.

"Setelah kita capai kata sepakat dalam rundingan dengan (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir, tidak ada niat lain daripada itu. Jika ada orang lain yang buat telahan yang bukan-bukan itu dia punya haklah" katanya ketika ditemui di kediamannya di sini selepas tiba dari Kuala Lumpur tengah hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan berita bahawa beliau mungkin mencabar kedudukan Anwar dalam Umno pada masa akan datang.

Apabila ditanya sama ada laporan sedemikian boleh menjejaskan hubungannya dengan Anwar atau pihak lain, beliau berkata ia terserah kepada masing-masing kerana "kalau kita tidak memikirkan sedemikian rupa bagaimana benda itu boleh jejakkan sesiapa...ini terpulang kepada orang yang membaca, bagi saya tak ada apa-apa.

Beliau juga menolak ramalan sesetengah kalangan bahawa beliau akan cuba kembali ke Kabinet.

"Saya dah nyatakan kepada Dr Mahathir bahawa saya tidak mengharapkan sesuatu daripada beliau sama ada dalam parti atau kerajaan dan beliau nampaknya menerima pandangan saya itu.

Ditanya sama ada beliau berasa dapat memberi sumbangan sekiranya diberi juga jawatan dalam Kabinet, Tengku Razaleigh berkata sukar untuk beliau menjawab dan beliau menyerahkannya kepada orang ramai untuk membuat penilaian.

"Tetapi bagi kami yang menyertai Umno sebagai anggota biasa kami serahkan diri kepada pimpinan parti dan jika difikirkan kami masih boleh berkhidmat terpulanglah kepada mereka."

Mengenai cadangan pembentukkan kerajaan campuran antara Pas dan Umno di Kelantan, Tengku Razaleigh berkata ia menunjukkan perubahan sikap di kalangan pemimpin Pas.

"Nampaknya ini satu usaha untuk menyelesaikan masalah perpecahan umat Islam di Malaysia khususnya di Kelantan dan juga di kalangan orang Melayu," katanya.

Beliau berkata bagi membuktikan keikhlasannya dalam mengadakan kerajaan campuran itu, sebagai permulaan Pas hendaklah mengekalkan empat anggota Exco kerajaan negeri daripada bekas S46 yang kini anggota Umno.

"Saya rasa masalah di Kelantan akan selesai apabila anggota Exco itu diterima dan ia tidak perlu dirombak atau diungkit supaya mereka digugurkan malahan mungkin dapat mengukuhkan kerajaan yang ada sekarang," katanya.

Beliau juga mencadangkan sekiranya berlaku kerajaan campuran, Perlembagaan Negeri boleh dipinda bagi membolehkan dua Menteri Besar dilantik, masing-masing seorang daripada Pas dan Umno dan sekali gus Menteri Besar sekarang Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak perlu meletak jawatan.

Bagaimanapun beliau percaya sukar bagi Umno menerima sebuah lagi parti Melayu untuk sama-sama memerintah kerana ini adalah prinsip Umno.

"Satu hari Pas sendiri mesti dibubarkan dan apa perlunya satu parti

berasingan. Ini semua saya rasa elok dan baik untuk masyarakat Islam dan Melayu," katanya.

Mengenai krisis antara kerajaan negeri pimpinan Pas dan Istana, Tengku Razaleigh berkata ia berlarutan kerana Pas enggan berikhtiar untuk menghadap Sultan

"Pada saya bukannya susah (untuk menghadap). Raja takkan nak marah sepanjang masa, pergilah menghadap. Sudahkah ikhtiar dengan sebaik mungkin? Saya rasa tak ada perkara yang susah kerana Nik Aziz sebagai Menteri Besar dan penasihat utama Sultan mesti menghadap untuk memberi nasihat dan tak boleh melakukannya dari luar," katanya.

Tengku Razaleigh berasa optimis krisis itu boleh diselesaikan sekiranya berlaku kerajaan campuran. -- BERNAMA

RAR NMO